

17) PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Adun : Y.B Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

a) Berapakah unit PPR di Selangor yang masih kosong dan di mana?

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) di Selangor mempunyai baki kekosongan unit sebanyak **133 unit** (5.4%) daripada 2,432 unit keseluruhan PPR yang dikawal selia oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) selaku agen pengurusan yang dilantik. Pecahan status unit kosong terdiri daripada 2 kategori yang mana sebanyak 71 unit kosong sedia ada sedang untuk proses kemasukan penyewa setelah selesai proses sesi temuduga / tapisan kelayakan. Manakala sebanyak 62 unit kosong merupakan unit rosak yang akan dilaksanakan pembaikan pada tahun 2026 berdasarkan permohonan peruntukan yang dimohon.

Berikut adalah status bagi 133 unit kosong PPR di Selangor seperti dibawah :

PPR	Unit Kosong		Jumlah
	Proses Kemasukan Penyewa	Baki yang akan dibaikpulih pada tahun 2026	
PPR Kg. Baru Hicom	28	20	48
PPR Kota Damansara	29	30	59
PPR Serendah	14	12	26
Jumlah	71	62	133

b) Bagi penghuni yang telah tinggal lebih dari 5 tahun, berapa kerap mereka perlu isytihar pendapatan mereka?

Berkenaan pengisytiharan pendapatan oleh penghuni PPR, pengemaskinian maklumat isi rumah dan bancian akan dilaksanakan setiap tahun ke atas setiap rumah bagi memastikan unit didiami merupakan golongan yang layak dan memenuhi syarat pendapatan yang ditetapkan iaitu pendapatan tidak melebihi RM5,000.00 sebulan. Ini selaras dengan dasar Kerajaan Negeri melalui

keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke-3/2025 yang diadakan pada 22 Januari 2025 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-4/2025 pada 6 Februari 2025 telah bersetuju kadar baharu kelayakan pendapatan isi rumah dinaikkan daripada RM3,000.00 sebulan kepada RM5,000.00 sebulan dengan mengambil kira faktor kos sara hidup yang semakin meningkat dan sebagainya.

c) Berapakah penghuni yang telah di dikeluarkan daripada PPR kerana pendapatan mereka naik?

Berhubung status penghuni yang telah dikeluarkan daripada PPR disebabkan kenaikan pendapatan penghuni yang telah meningkat dan tidak memenuhi syarat kelayakan pendapatan yang ditetapkan. Berdasarkan bancian yang telah dijalankan pada tahun 2025, dikenalpasti seramai 22 penghuni PPR di Selangor telah melebihi pendapatan RM5,000.00 sebulan dan ke atas disebabkan oleh peningkatan pendapatan dari tahun ke tahun.

Sehubungan dengan itu, tindakan penamatan penyewaan akan dibuat oleh PHSSB dan usaha pemantauan secara berterusan akan dilaksanakan dari masa ke semasa.